

Headline	<b>Salamiah Hassan : Jalani ujian darah saringan HIV perlu</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>25 Oct 2010</b>	Page No	<b>L-11</b>
MediaTitle	<b>New Sabah Times Bahasa (KK)</b>	Article Size	<b>87 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Hiburan</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>169</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>506</b>
Circ / Read	<b>23,655 /</b>		



## Salamiah Hassan: Jalani ujian darah saringan HIV perlu

**KATA** penyanyi Salamiah Hassan, pasangan yang mahu berkahwin jangan hanya menjalani ujian darah bagi saringan HIV, sebaliknya kesihatan mental mereka juga perlu diambil kira.

“Keputusan untuk berumah tangga bukan main-main. Tanyalah mana-mana pasangan sekalipun, tentu mereka mengharapkan perkahwinan yang dibina membawa bahagia ke akhir hayat.

“Bagi pasangan yang nak berumah tangga mereka dikehendaki mengikut kursus perkahwinan dan menjalani ujian saringan HIV. Macam mana pun dengan ujian kesihatan mental?

Sehingga ke hari ini Malaysia masih lagi belum menguatkuasakan ujian kesihatan mental kepada bakal pengantin.

“Sedih bila membaca kisah dua suami bertindak membunuh. Ada bunuh isteri, ada yang bunuh anak.

“Ada orang hidup dengan mengambil pil tertentu untuk mengatasi masalah penyakit mental, hal ini mesti diketahui pasangannya kalau mahu berkahwin. Keluarganya jangan berselindung, merahsiakan masalah kesihatan anak.

“Saya bimbang, kalau ada lagi suami atau isteri yang punya masalah mental bertindak membunuh ketika pasangan tengah nyenyak tidur. Di luar negara, hal kesihatan mental dibincangkan secara ter-

buka. Ada ibu bapa yang mendapatkan sesi kaunseling sebagai alternatif merawat penyakit mental anak mereka. Saya menggesa semua pihak buka mata, ambil iktibar dengan kes-kes kejam agar jangan ada yang berulang semula. Tolong kuatkuasakan segera kewajipan menjalani ujian mental.

“Bagi isteri yang sudah pun berkahwin dan baru mengetahui penyakit sebenar suami anda. Rawatlah dia, tak kira melalui jalan moden mahupun tradisional.

“Jika si suami bergantung kepada ubat, selalu pantau kekerapan suami mengambil ubat mengikut arahan doktor,” kata Salamiah Hassan. **-URTV**